



## PPAUPM 50 TAHUN: MEMPERKASA WARGA AKADEMIK, MENYOKONG ASPIRASI UNIVERSITI

Sempena **sambutan Jubli Emas PPAUPM yang ke-50**,

kewujudan persatuan ini selama lima dekad mencerminkan komitmen berterusan dalam memperjuangkan kebajikan, pembangunan kerjaya serta kesejahteraan pegawai akademik Universiti Putra Malaysia.

Sepanjang tempoh ini, PPAUPM telah menjadi platform penting dalam memperkukuh kesatuan, profesionalisme dan suara warga akademik dalam menyokong aspirasi universiti.

## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PPAUPM KE-45

Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-45 yang diadakan secara fizikal di L'aprenti UPM pada 25 April 2025 telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, Naib Canselor UPM.



**MESYUARAT AGUNG  
TAHUNAN**  
PERSATUAN PEGAWAI  
AKADEMIK UPM  
**KE-45, 2025**

25 April 2025 | Jumaat  
| 3:00 pm |  
L'aprenti, UPM

Dirasmikan oleh:  
YBhg. Dato' Profesor Dr.  
Ahmad Farhan Mohd  
Sadullah  
Naib Canselor  
Universiti Putra Malaysia

Pertanian • Inovasi • Kehidupan  
**Berilmu Berbakti** [upm.edu.my](https://upm.edu.my)

**Kata Aluan dari  
YBhg. Prof. Dr.  
Jalila Abu  
Presiden,  
Persatuan  
Pegawai  
Akademik UPM**

Sempena sambutan Jubli Emas ini, marilah kita bersama-sama memperkukuh iltizam untuk terus maju ke hadapan, mengangkat martabat profesion akademik serta menyumbang kepada pembangunan universiti dan negara. Semoga **PPAUPM** terus relevan, dinamik dan menjadi suara yang berwibawa dalam mendepani cabaran masa hadapan.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada semua ahli PPAUPM. Semoga warga akademik UPM sentiasa dibawah Rahmat Nya.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, buletin Persatuan Pegawai Akademik UPM (PPAUPM) ini dapat diterbitkan sebagai salah satu medium komunikasi dan perkongsian informasi buat seluruh ahli akademik di universiti tercinta ini.



Dengan limpah kurnia-Nya, kita diberi kesempatan untuk bersama-sama menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan ke-46 **Persatuan Pegawai Akademik Universiti Putra Malaysia (PPAUPM)** serta meraikan **Majlis Sambutan Jubli Emas PPAUPM**.

**Lima puluh tahun** penubuhan PPAUPM merupakan satu pencapaian yang amat bermakna, melambangkan perjalanan panjang yang penuh dengan dedikasi, komitmen dan sumbangan warga akademik dalam memperkukuh peranan universiti sebagai pusat kecemerlangan ilmu. Sepanjang tempoh ini, PPAUPM telah menjadi wadah penting dalam memperjuangkan kebajikan, pembangunan kerjaya serta kesejahteraan ahli-ahlinya.

Saya ingin merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli PPAUPM** atas sokongan berterusan serta semangat kebersamaan yang telah ditunjukkan. **Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada semua barisan kepimpinan terdahulu** yang telah menyumbang kepada kejayaan persatuan ini. Kejayaan yang kita kecapai hari ini adalah hasil daripada usaha kolektif dan keakraban yang terjalin kukuh dalam kalangan warga akademik.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat bersidang kepada semua ahli dalam Mesyuarat Agung Tahunan ke-46 dan selamat menyambut Jubli Emas PPAUPM.

**SALAM HORMAT, PROF. DR. JALILA ABU**

# PPAUPM 50 TAHUN: MEMPERKASA WARGA AKADEMIK, MENYOKONG ASPIRASI UNIVERSITI

Sambutan **Jubli Emas Persatuan Pegawai Akademik Universiti Putra Malaysia (PPAUPM)** menandakan **50 tahun penubuhan** sebuah organisasi yang memainkan peranan penting dalam memperjuangkan kebajikan dan pembangunan kerjaya warga akademik. Sepanjang lima dekad, PPAUPM telah berkembang sebagai platform yang **menyatukan suara pegawai akademik** dalam memperkukuh profesionalisme, kesejahteraan serta peranan strategik mereka dalam pembangunan universiti.

**“Ke bukit sama didaki,  
ke lurah sama  
dituruni”**

Kewujudan PPAUPM bukan sekadar sebagai persatuan, malah menjadi **pemangkin kepada hubungan erat antara ahli**, sekali gus membina **semangat kebersamaan dan keakraban** dalam kalangan warga akademik. Melalui pelbagai inisiatif, program pembangunan dan libat urus bersama pihak pengurusan universiti, PPAUPM terus komited dalam memastikan kebajikan ahli sentiasa terpelihara dan suara mereka didengari.

Seiring dengan aspirasi Universiti Putra Malaysia untuk **menjulung kesohoran dan memperkukuh kecemerlangan dalam pengajaran, penyelidikan serta inovasi**, PPAUPM memainkan peranan penting sebagai rakan strategik dalam menyokong hala tuju tersebut.

**“Menelusuri perjalanan 50 tahun ini, PPAUPM akan terus relevan dan dinamik dalam mendepani cabaran masa hadapan, dengan tekad untuk memperkasa warga akademik serta menyumbang kepada kecemerlangan universiti dan negara.”**



## MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

Exco PPAUPM telah bersama dalam Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) sebanyak tiga (3) kali sepanjang tahun 2025 iaitu pada 15 April 2025, 11 Ogos 2025 dan 15 Disember 2025. Untuk tahun 2026, MBJ Bil. 1 akan diadakan pada 6 April 2026. Mesyuarat MBJ diadakan bagi membincangkan permasalahan dikalangan kumpulan para akademik (PPAUPM) yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Naib Canselor.



## MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP) UNIVERSITI

Presiden dan Setiausaha Kehormat PPAUPM turut sama dalam mesyuarat JKKPUPM yang telah diadakan sebanyak empat (4) kali sepanjang tahun 2025 iaitu Mesyuarat JKKPUPM kali ke-70 pada 11 Mac 2025, Kali ke-71 pada 7 Julai 2025 (secara edaran), mesyuarat kali ke-72 pada 22 September 2025, dan mesyuarat kali ke-73 pada 9 Disember 2025. Untuk tahun 2026, Mesyuarat JKKPUPM kali ke-74 telah diadakan pada 11 Mac 2026.



Pelbagai isu dan cadangan serta penyelesaian berkenaan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan telah dibincangkan dan dipersetujui dalam mesyuarat tersebut bagi menjamin keselamatan dan kesihatan para pegawai akademik dan lain-lain staf di UPM.

## MESYUARAT EXCO PPAUPM

Exco PPAUPM telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali sepanjang sesi 2025 iaitu pada 21 Januari 2025, 17 April 2025, dan 2 Julai 2025. Untuk tahun 2026, mesyuarat telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 12 Januari 2026 dan 9 Februari 2026. Mesyuarat telah membincangkan isu-isu dan usul semasa melibatkan pegawai akademik serta mencari penyelesaian yang dipersetujui diperingkat Exco dan wakil fakulti telah dibawa kepada pihak pengurusan.



Antara isu dan permasalahan adalah berkaitan dengan sistem penilaian prestasi pegawai akademik, yuran professional, penambahbaikan sistem pengurusan kenaikan pangkat, kenaikan pangkat berdasarkan time-based untuk membantu pegawai yang akan bersara, isu KIP, beban pensyarah, masalah tuntutan kewangan, isu transformasi governan dan lain-lain isu yang berkaitan.

Isu-isu ini telah dimajukan kepada pihak pengurusan di dalam Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ). Mesyuarat Exco turut membincangkan gerak kerja terhadap penubuhan kesatuan

## MESYUARAT EXCO BERSAMA WAKIL FAKULTI

Untuk tahun 2025, perjumpaan dengan wakil Fakulti telah diadakan sebanyak empat (4) kali bersekali dengan beberapa program PPA bersama ahli. Antaranya ialah, semasa program Luncheon Talk PPA pada 14 Ogos 2025, Program Uwan...PPA masuk kampung! pada 12 – 14 September 2025, program riuh ria sukan warisan dan rakyat bersama PPA pada 24 Oktober 2025 dan program Denai PPA-Biotropics 2.0 pada 15 November.



Selain itu, PPA turut mengadakan Majlis Apresiasi dan Lantikan Baharu Wakil Fakulti bagi sesi 2025/2027 yang diadakan pada 19 Disember 2025. Pada setiap sesi perjumpaan tersebut, wakil-wakil dijemput untuk megutarakan sebarang permasalahan dan isu serta membincangkan perkara-perkara yang melibatkan perancangan aktiviti dan halatuju PPA, pembentangan hasil Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ), membincangkan justifikasi KPI dan isu-isu yang berkaitan dengan hal-hal pengajaran dan penyelidikan di fakulti masing-masing.



## KUNJUNGAN HORMAT BARISAN EXCO KE PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

Kunjungan hormat barisan Exco kepada YBhg. Timbalan Naib Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) TNCAA, YBhg. Prof. Ir. Dr. Abd. Rahim Abu Talib telah diadakan pada 22 Oktober 2025 (Rabu) pada jam 8.30 pagi di pejabat beliau bagi menyampaikan ucapan tahniah ahli akademik terhadap pelantikan beliau sebagai TNCAA yang Baharu serta membincangkan hal-hal semasa pegawai akademik.

Antara hal yang dibincangkan ialah berkenaan dengan beban kerja dan tekanan para pensyarah, elemen KPI pensyarah, kriteria kenaikan pangkat, dan indeks kebahagiaan dan kesejahteraan pegawai akademik.



Perbincangan berjalan lancar dan YBhg. Prof. TNCAA beriltizam membantu pegawai akademik dalam memastikan kesejahteraan dan produktiviti mereka bertambah baik dari masa ke semasa. PPAUPM mengucapkan terima kasih atas perhatian dan kesediaan YBhg. Prof. TNCAA bersama-sama dengan Persatuan dalam menjaga kebajikan ahli.

## **KUNJUNGAN HORMAT BARISAN EXCO KE PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)**

Barisan exco telah merancang mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni) (TNCHEPA), Universiti Putra Malaysia pada 22 Oktober 2025 (Rabu) jam 4 petang di Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni). Tujuan kunjungan hormat ini adalah untuk menyampaikan ucapan tahniah kepada YBhg. Prof. TNCHEPA atas lantikan beliau yang baharu serta membincangkan perkara-perkara melibatkan pegawai akademik dan pelajar kepada beliau.

Namun begitu atas kekangan tugas YBhg. Prof. TNCHEPA, mesyuarat terpaksa ditunda di saat-saat akhir.

## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-45

Mesyuarat Agung PPAUPM kali ke-45 telah diadakan di L'apprenti, Universiti Putra Malaysia pada 25 April 2025 dari jam 3.00 petang hingga 5.00 petang. Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-45 ini telah dihadiri seramai 44 ahli secara fizikal. Mesyuarat kali ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Sadullah, Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia.



The poster features a dark background with intricate gold and white geometric patterns. At the top, it displays the logos of UPM and Putra. The main text reads: 'MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN PEGAWAI AKADEMIK UPM KE-45, 2025'. Below this, the date and time are listed: '25 April 2025 | Jumaat | 3:00 pm | L'apprenti, UPM'. A circular portrait of the officiating officer, YBhg. Dato' Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, is shown. The text 'Dirasmikan oleh: YBhg. Dato' Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah Naib Canselor Universiti Putra Malaysia' is placed below the portrait. At the bottom, there is a banner for 'Berilmu Berbakti' with social media icons and the website 'upm.edu.my'.



Terdahulu, majlis telah dimulakan dengan bacaan doa dan seterusnya ucapan aluan oleh Presiden PPAUPM, Prof. Dr. Jalila Abu sebelum perasmian majlis oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Sadullah, Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia. Majlis diikuti dengan acara pemotongan kek oleh YBhg. Dato' Naib Canselor dan Prof. Madya Dr. Muhamad Taufik Abdullah, selaku exco yang akan bersara pada tahun ini. Majlis seterusnya diteruskan dengan jamuan makan dan mesyuarat tahunan.

## PROGRAM LUNCHEON TALK 2025 PPAUPM BERSAMA DATO' ZURAIDAH ATAN

Program Luncheon Talk 2025 PPAUPM bersama Dato' Zuraidah Atan, Profesor Adjung di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, UPM telah diadakan pada 14 Ogos 2025 (Khamis) bertempat di L' apprenti Restaurant & Deli, Universiti Putra Malaysia. Sesi perkongsian kali ini Adalah berkenaan dengan "Bridging Challenges Between Corporate and Academic Worlds".

Dato' Zuraidah Atan merupakan anak bumiputera yang pertama memegang jawatan tertinggi di Malaysia dan seluruh dunia dalam Kumpulan Bank OCBC pada tahun 90-an. Beliau mula bertugas sebagai Pegawai Undang-undang/ Penganalisis Korporat/ Pegawai Kredit pada tahun 1984 di Perwira Habib Bank. Beliau dilantik menjadi Naib Pengerusi dan Ketua Bahagian Kewangan Korporat & Pasaran Modal/ Penstrukturan Semula Hutang Korporat di Kumpulan Bank OCBC pada tahun 1989 seterusnya memegang jawatan sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Affin Merchant Bank Berhad yang dahulu dikenali sebagai Perwira Affin Merchant Bank Berhad pada 1999.



The invitation card features the logos of UPM and SBE at the top. The main text reads: "YOU'RE INVITED TO LUNCHEON TALK DATO' ZURAIDAH ATAN". Below this, it states: "SHARING SESSION ON THE BRIDGING CHALLENGES BETWEEN CORPORATE AND ACADEMIC WORLDS". The event is scheduled for 14 August 2025, Thursday, from 10:00 AM to 02:00 PM at L'Apprenti Restaurant, Universiti Putra Malaysia. A QR code is provided for registration. The speaker is identified as Dato' Zuraidah Atan, Adjunct Professor at the School of Business and Economics (SBE), Universiti Putra Malaysia. The card also notes that the event is open for PPAUPM members.

Beliau kini berkhidmat sebagai Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Imbuhan (Pengerusi), Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko & Kelestarian.

Sesi ini telah memberikan inspirasi kepada pegawai akademik.



## PROGRAM UWAN...PPA MASUK KAMPUNG!

PPA julung kalinya mengadakan program jaringan dengan penduduk setempat pada tahun ini. Program "Uwan...PPA Masuk Kampung!" diketuai oleh Prof. Dr. Muhammad Shahrir Abdul Karim dan dibantu oleh koordinator program iaitu Prof. Madya Ir. Dr. Mohammad Effendy Yaacob.

Ia merupakan inisiatif Persatuan Pegawai Akademik UPM (PPAUPM) di bawah Program Jaringan Komuniti dan Masyarakat (JINM) yang bertujuan merapatkan hubungan antara warga akademik universiti dan komuniti luar bandar. Program ini berlangsung di **Kampung Paya Lebar, Sungai Baru, Melaka**, pada 12 hingga 14 September 2025. Program ini dirangka bagi menyemai nilai murni, menggalakkan pemindahan ilmu, serta mengukuhkan peranan universiti sebagai pemangkin pembangunan masyarakat.

**Uwan...**  
**PPA masuk kampung!**  
12 - 14 September 2025

Program Jaringan Komuniti dan Masyarakat (JINM) di antara Persatuan Pegawai Akademik (PPAUPM) Bersama Komuniti Masjid At-Taqwa, Kg Paya Lebar Sg Baru Melaka

Slot 1: "Uwan...PPA masuk kampung"  
Slot 2: "Uwan...PPA pegang kuah"  
Slot 3: "Uwan...PPA kongsi ilmu"  
Slot 4: "Uwan...PPA bakaa bakaa"  
Slot 5: "Uwan...PPA bersih kampung"

Pertanian • Inovasi • Kehidupan  
**Berilmu Berbakti**  
upm.edu.my

Jam DAFTAR Uwan!

Program tiga hari dua malam ini diisi dengan pelbagai aktiviti menarik. Ianya dimulakan dengan **sesi "ronda-ronda kampung" dan solat berjemaah** di Masjid At-Taqwa pada waktu malam sebaik tiba di homestay iaitu pada hari pertama 12 September 2025.



Pada hari ke-dua program iaitu pada 13 September 2025, ianya diisi dengan majlis pembukaan dan diikuti dengan slot ke-2 program iaitu **“Uwan...PPA masuk Sungai”**. Di mana di dalam sesi ini peserta dibawa menyusuri Sungai di Kampung Paya Lebar dan mengail lokan.



Hujan lebat mengiringi program ini yang memberi pengalaman mencabar buat peserta apabila menyusuri sungai dalam keadaan angin dan hujan lebat selama satu jam. Meskipun basah lencun, peserta tetap bersemangat menyelesaikan eksplorasi sungai ini.

Di sebelah petang, program dimulakan dengan **sesi perkongsian ilmu** melalui Slot ke-3 iaitu **“Uwan ...PPA pegang kualiti!”**. Di dalam sesi ini penduduk kampung didedahkan dengan ilmu masakan berkhasiat dan cara memasak menu makanan yang sihat.



Di sebelah malamnya pula, diadakan sesi BBQ bersama ahli PPA iaitu di dalam Slot 5: **“Uwan...PPA bakaq bakaq”**. Pada sesi ini, perbincangan bersama wakil fakulti dan ahli-ahli PPA tentang isu-isu kebajikan dan lain-lain permasalahan yang dihadapi untuk dibawa ke perbincangan bersama pihak pengurusan telah diadakan.

Pada hari terakhir program iaitu 14 September 2025, peserta telah mengadakan program gotong royong membersihkan kampung bersama penduduk kampung di dalam **Slot 6: "Uwan...PPA bersih kampung!"**



Seramai 22 orang ahli akademik dan 30 orang penduduk kampung telah menyertai program ini. Melalui program ini, warga akademik diberi peluang untuk berinteraksi secara langsung dengan masyarakat, memahami realiti kehidupan luar bandar, serta menyumbang idea dan usaha ke arah memperkasa komuniti dari pelbagai aspek – pendidikan, kesihatan, kekeluargaan dan kelestarian sosial secara holistik.



## PROGRAM RIUH RIA SUKAN WARISAN & RAKYAT BERSAMA PPAUPM

Bersempena sambutan Bersempena sambutan Bulan Akademia 2025 Universiti Putra Malaysia (UPM), Persatuan Pegawai Akademik UPM (PPAUPM) dengan kerjasama Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan Akademik (CADE-Lead UPM) telah menganjurkan sebuah program bertajuk "Riuh Ria Sukan Warisan & Rakyat Bersama PPAUPM" pada 24 Oktober 2025 (Jumaat), bertempat di Foyer Fakulti Perubatan Veterinar, UPM.



Majlis ini telah dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Muhd Khaizer Omar, Timbalan Pengarah CADe-Lead UPM. Program ini dianjurkan bertujuan untuk mengeratkan silaturahim dan memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan ahli akademik melalui aktiviti santai berteraskan sukan tradisional yang menjadi warisan budaya bangsa.

Antara sukan yang telah dipertandingkan semasa program tersebut adalah batu seremban, congkak, tenteng, dam haji, baling guli, baling tin, dan baling selipar. Suasana pada petang itu lebih meriah dengan tema dekorasi dan pakaian berkonsepkan tradisional, menyerikan lagi penganjuran kali ini dengan warna-warni budaya tempatan.

Penyertaan adalah di kalangan ahli-ahli PPAUPM, warga CADe-Lead, serta pensyarah-pensyarah UPM daripada pelbagai fakulti. Program ini turut dijayakan dengan bantuan tujuh orang sukarelawan pelajar pascasiswazah yang bertindak sebagai penjaga masa dan markah bagi setiap acara.



Penganjuran program ini bukan sahaja mampu mengimbau nostalgia permainan rakyat, tetapi juga dapat menyemai nilai kerjasama, semangat kesukanan dan kekitaan dalam kalangan komuniti akademik UPM. Semoga penganjuran seperti ini dapat diteruskan bagi mengukuhkan ukhuwah dan menyemarakkan semangat 'Berilmu Berbakti' warga universiti. Peserta yang memenangi setiap acara telah berpeluang memenangi hadiah yang telah disediakan persatuan. PPAUPM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak CADe-Lead UPM, semua ahli jawatankuasa pelaksana, para sukarelawan, serta semua peserta yang telah menjayakan program ini.

## PENYERTAAN PPAUPM DALAM PROGRAM FESTIVAL IDEA PUTRAJAYA TAHUN 2025 MyIDEAS CONNECT

Buat julung kalinya, PPA telah melangkah setapak ke hadapan dengan mengadakan hubungan kolaborasi berimpak tinggi bersama dengan industri iaitu Biotropics Malaysia Berhad melalui program Denai PPA@SISFEC 2.0 yang diketuai oleh Prof. Mohd. Hasmadi Ismail. Usaha program kolaborasi atas inisiatif PPAUPM ini telah mendapat peluang untuk diketengahkan di dalam Festival Idea Putrajaya (FOI) 2025 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 4 November 2025.

Majlis tersebut menyaksikan pertukaran Surat Hasrat (LoI) antara UPM dan Biotropics Malaysia Berhad yang telah dimeterai di antara PPAUPM yang diwakili Presiden Prof. Dr. Jalila Abu dan Biotropics Malaysia Berhad yang diwakili oleh CEO YBrs. Puan Haliza Ramli. Ini adalah sebahagian daripada usaha persatuan dalam mendokong aspirasi Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkukuh jaringan strategik bersama industri.



## BUKU JALANAN CHOWKIT

PPAUPM dengan kerjasama Asosiasi Dosen Pengabdian Masyarakat (PKM) Indonesia (ADPI) bersempena dengan penganjuran The 5th International Conference on Research and Development (ICORAD 2025) dan 1st ADPI Global Award (AGA), telah menjalankan program pemindahan ilmu kepada kanak-kanak di Buku Jalanan Chow Kit di Kuala Lumpur pada 6 November 2025. Program ini diketuai oleh Prof. Madya Dr. Hanny Zurina Hamzah.



## INTERNATIONAL CONFERENCE ON RESEARCH AND DEVELOPMENT (ICORAD) & ADPI GLOBAL AWARD (AGA) 2025



Persatuan Pegawai Akademik UPM (PPAUPM) bersama Asosiasi Dosen Pengabdian Masyarakat (PKM) Indonesia (ADPI) telah bekerjasama menganjurkan sebuah persidangan antarabangsa bertajuk, The 5th International Conference on Research and Development (ICORAD 2025) dan 1st ADPI Global Award (AGA).

Persidangan ini telah berlangsung dengan jayanya pada 8 November 2025 bertempat di Fakulti Veterinar, Universiti Putra Malaysia. Persidangan ini juga merupakan kerjasama di antara Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Persidangan bertemakan “Transformative Multi-Disciplinary Research and Innovation: Driving Sustainable Development Goals (SDGs) in the Society 5.0 Era” ini telah menghimpunkan para akademika daripada pelbagai bidang penyelidikan.



ADPI merupakan persatuan pensyarah-pensyarah di 34 wilayah di Indonesia dan dianggotai lebih 1,000 orang pensyarah daripada ratusan universiti awam dan swasta di Indonesia. Lebih 50 orang peserta daripada universiti-universiti di Malaysia dan seramai 100 pensyarah dari Indonesia telah mengambil bahagian sebagai pembentang. Kehadiran mereka mencerminkan komitmen bersama dalam memperkukuhkan rangkaian penyelidikan serantau dan memacu inovasi multidisiplin. Sebanyak lebih 70 universiti dari Indonesia telah menyatakan hasrat untuk menjalankan kolaborasi di masa akan datang.



Selain itu, UPM menerusi PPAUPM turut telah memenangi **anugerah "Outstanding Institutional Commitment to Sustainable Education, Community Engagement and Regional Impact"**.



## PROGRAM DENAI PPA@SISFEC 2.0

Program Denai PPA@SISFEC adalah program anjuran Persatuan Pegawai Akademik (PPA) UPM yang telah dilancarkan pada 8 Oktober 2022 bertempat di **Pusat Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC)** Universiti Putra Malaysia. Program ini bertujuan untuk memupuk semangat cintakan alam sekitar di kalangan ahli PPA, warga UPM dan pelajar serta meningkatkan kesedaran mereka terhadap aktiviti pemulihan hutan melalui program penanaman pokok. Program ini turut bertujuan untuk menjalin hubungan kolaborasi penyelidikan dan pembelajaran di antara ahli PPA dengan pihak pelajar dan organisasi luar. Pada program yang lalu 100 anak pokok hutan telah ditanam. Pada tahun 2023 dan 2024, tiada penanaman pokok baharu dilakukan sebaliknya Program Denai PPA@SISFEC memantau tumbesaran pokok yang telah ditanam sebelum ini.

Program Denai PPA@SISFEC Siri 2.0 2025 kali ini dilaksanakan dengan Kerjasama **Biotropics Malaysia Berhad**. Biotropics Malaysia Berhad adalah syarikat yang telah diperbadankan pada Februari 2007 untuk membangunkan dan mengkomersialkan sumber bio Malaysia menjadi produk kesihatan semula jadi untuk pasaran antarabangsa.



Produk keluaran Biotropics adalah termasuk ekstrak piawai proprietari, suplemen pemakanan semulajadi, bahan-bahan untuk nutraseutikal, makanan berfungsi dan aplikasi kosmetik, dan terus membangunkan ubat-ubatan herba dan ubat botani. Ketika ini, Biotropics mengeluarkan produk berteraskan ekstrak Tongkat Ali (*Eurycoma longifolia*). Bagi memenuhi aspirasi Program Penghijauan Malaysia, maka aktiviti penanaman pokok Tongkat Ali dirancang untuk ditanam di Denai PPA@SISFEC kali ini. Ini adalah program kolaborasi pertama yang diadakan oleh persatuan yang dapat memberikan manfaat kepada ahli PPA, pelajar secara khusus dan organisasi terlibat secara amnya.

Program ini turut telah disertai oleh YBhg. Timbalan Naib Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) TNCAA, YBhg. Prof. Ir. Dr. Abd. Rahim Abu Talib.

. Biotropics Malaysia Berhad telah **menyumbangkan sebanyak 200 anak pokok Tongkat Ali** untuk ditanam di dalam program ini. Manakala pensyarah dari kalangan ahli PPA, staf dan pelajar di Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar akan menawarkan khidmat untuk pengumpulan data tumbesaran, iklim mikro, penyelenggaraan dan pelaporan kemajuan, dan akan dikongsikan bersama dengan Biotropics Malaysia Berhad.



Seramai 35 orang kakitangan Biotropics Malaysia Berhad, 25 orang pegawai akademik dan 15 orang pelajar telah menyertai program ini.



Manfaat dari program ini antaranya ialah dapat menjalin hubungan kolaborasi yang erat antara ahli-ahli PPA dengan pihak pelajar dan agensi luar yang dapat membantu dalam pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Program ini turut memupuk semangat cintakan alam sekitar dalam kalangan ahli PPA dan pelajar dan komuniti serta meningkatkan kesedaran terhadap aktiviti pemeliharaan sumber perubatan hutan melalui program penanaman pokok Tongkat Ali.




## SIRI FORUM KEPIMPINAN UNIVERSITI ANJURAN MAAC

Ahli, Wakil Fakulti dan Exco turut menghadiri Siri Forum Kepimpinan Universiti Anjuraan MAAC pada 2 Julai 2025 yang di adakan secara online. Lebih 50 orang peserta telah hadir secara online dalam sesi forum ini bagi membincangkan tentang Kepimpinan Universiti Awam.

### SIRI BICARA CENDEKIAWAN MAAC 2024-2026

Siri 4: Kepimpinan Universiti Awam



**RABU**  
2 JULAI 2025


**10.30-11.30 AM**

Google Meet Link  
<https://meet.google.com/ode-htzf-wkf>  
or scan QR code below


**AHLI PANEL**

Peranan pensyarah penting dalam program pembangunan bakat melalui pendidikan tinggi khasnya dan sistem pendidikan negara amnya. Bakat yang berkualiti, berdaya saing, kreatif dan inovatif, dihormati, dan diyakini mempunyai nilai kemanusiaan yang tinggi sangat penting demi kemakmuran dan kelestarian negara.


Siri Bicara Cendekiawan MAAC akan menengahkan isu semasa dikalangan pensyarah dalam membantu negara menghadapi dunia yang kompleks.



Professor  
Dr. Ahmad Ismail  
FRSB, FASc  
PRESIDEN MAAC



Prof. Emeritus  
Tan Sri Anuwar Ali  
MANTAN NAIB CANSOLOR UKM  
& MANTAN PRESIDENT  
OPEN UNIVERSITY MALAYSIA



## PERUTUSAN DAN AMANAT NAIB CANSOLOR 2026

PPAUPM telah turut serta dalam Majlis Perutusan dan Amanat Naib Canselor 2026 yang berlangsung pada 30 Januari 2026 bertempat di Dewan Besar, UPM oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah.



 **UPM PUTRA**  
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

### MAJLIS PERUTUSAN DAN AMANAT NAIB CANSOLOR 2026

YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah  
Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia

**Kelangsungan  
True North  
Melonjak ke Puncak**

30 Januari 2026 (Jumaat) | 9:00 Pagi  
Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian  
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Pertanian • Inovasi • Kehidupan  
**Berilmu Berbakti**

 [upm.edu.my](http://upm.edu.my)

YBhg. Dato' Naib Canselor telah memulakan ucapan beliau dengan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga UPM di atas komitmen, dedikasi dan kerjasama yang berterusan dalam menjayakan aspirasi serta kecemerlangan universiti. Di dalam ucapan beliau, Dato' Naib Canselor menekankan keperluan UPM untuk menyahut tuntutan dunia sebenar serta penajajaran peranan dan tindakan.

Beliau turut menekankan pelaksanaan tindakan berasaskan kerangka hala tuju UPM (True North UPM). YBhg. Dato' turut berkongsi pencapaian UPM 2025 serta rancangan tindakan UPM berasaskan Pelan Strategik UPM 2026 - 2030 dan ke arah Visi 2050. Di akhir ucapan beliau, YBhg. Dato' menekankan tentang fokus UPM pada tahun 2026 dan menyeru warga UPM agar terus memberikan komitmen yang tidak berbelah bahagi untuk membawa dan menjulang UPM ke arah yang lebih gemilang.



## SAMBUTAN BULAN PENDIDIK BERSAMA PPAUM

Bulan Oktober adalah merupakan bulan Akademia. Setiap tahun sambutan Bulan Pendidik akan diadakan di peringkat universiti yang dianjurkan oleh Cade. Sambutan Bulan Pendidik telah diadakan pada 3 Oktober 2025.



## MAJLIS PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2026 DAN MAJLIS PELUNCURAN PELAN PENDIDIKAN NEGARA 2026-2035

PPA telah menghantar wakil ke Majlis Perutusan Tahun Baharu 2026 dan Majlis Peluncuran Pelan Pendidikan Negara 2026-2035 yang akan diadakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada 20 Januari 2026 (Selasa) di Dewan Perdana, PICC, Putrajaya.

Majlis Peluncuran Rancangan Pendidikan Negara 2026-2035 bertemakan "Memacu Lonjakan Pendidikan Negara" telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri.

Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Pendidikan (KPM) telah membangunkan Rancangan Pendidikan Negara (RPN) 2026-2035, sebuah rancangan strategik pendidikan nasional yang merangkumi keseluruhan ekosistem pendidikan negara daripada peringkat sekolah hingga pendidikan tinggi.

## MAJLIS KONVOKESYEN KE-49 UPM

PPA telah menghantar wakil akademik ke Majlis Konvokesyen ke-49 UPM (Sidang 1) Universiti Putra Malaysia Sarawak pada 1 – 2 November 2025 dan pada Sidang 2 Universiti Putra Malaysia Serdang pada 29 November – 5 Disember 2025, di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS).



## MAJLIS BERBUKA PUASA DAN SOLAT TARAWIH BERSAMA DULI YANG MAHA MULIA TUANKU CANCELOR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Persatuan telah dijemput untuk menyertai Majlis Berbuka Puasa dan Solat Tarawih bersama Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor Universiti Putra Malaysia pada 25 Februari 2026 di Dataran Masjid UPM. Beberapa exco telah menyertai majlis ini mewakili PPA.



## **SESI DIALOG BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN BAGI KAJIAN SEMULA GARIS PANDUAN AMALAN BAIK: STAF AKADEMIK (GUIDELINES TO GOOD PRACTICES (GGP): ACADEMIC STAFF) DAN GARIS PANDUAN BEBAN STAF AKADEMIK**


PPA telah dijemput di dalam sesi dialog pada 26 Februari 2026 bersama pihak berkepentingan bagi kajian semula Garis Panduan Amalan Baik: Staf Akademik dan Garis Panduan Beban Staf Akademik oleh Bahagian Standard, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) yang bertujuan untuk:

- Mengemaskini dan menambah baik dokumen garis panduan sedia ada agar selaras dengan keperluan semasa;
- Menetapkan dan memperincikan amalan baik yang berkualiti bagi memenuhi keperluan pengambilan, pengurusan dan pembangunan staf akademik selaras dengan Area 4: Academic Staff dalam COPPA Edisi Kedua, COPPA: ODL Edisi Kedua dan COPPA untuk membantu Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam pelaksanaan dan pemantauan program;
- Memberi panduan kepada Ahli Panel Penilai (APP) dan pegawai MQA dalam proses penilaian akreditasi program.

PPA telah menghantar wakil dalam perbincangan ini serta turut memberi input kepada sekretariat.

## EDARAN BISKUT RAYA KEPADA AHLI DI UPM SERDANG & SARAWAK

Telah menjadi tradisi PPA untuk memberikan edaran bingkisan Hari Raya pada setiap Ramadhan kepada semua ahli. Pada tahun ini edaran biskut raya telah diadakan kepada semua ahli berdaftar di kampus UPM Serdang dan UPM Sarawak melalui wakil fakulti masing-masing. Diharapkan usaha ini dapat mengeratkan silaturrahi di kalangan kepimpinan PPA dan ahlinya. Semoga usaha ini dapat terus dilaksanakan di masa akan datang.





## KEAHLIAN PPAUPM

PPAUPM telah bergerak secara aktif dalam meningkatkan bilangan ahli PPAUPM. Bilangan ahli PPAUPM sehingga Februari 2026 adalah seramai 971 orang iaitu 956 orang ahli biasa, 14 ahli seumur hidup dan seorang ahli kehormat. PPAUPM akan terus menarik minat dan menggalakkan para akademik untuk menjadi ahli PPAUPM demi untuk memperjuangkan kepentingan dan kebajikan kakitangan akademik di UPM.

## Barisan Majlis Eksekutif PPAUPM



Presiden  
(Sesi 2021 - 2023)  
Profesor Dr. Jalila Abu  
Fakulti Perubatan Veterinar

 [jalila@upm.edu.my](mailto:jalila@upm.edu.my)

Timbalan Presiden  
(Sesi 2021 - 2023)  
Profesor Dr. Rosnah Shamsudin  
Fakulti Kejuruteraan



 [rosnahs@upm.edu.my](mailto:rosnahs@upm.edu.my)

Ex-Officio  
Profesor Dr. Wan Zuha Wan Hasan  
Fakulti Kejuruteraan



[wanzuha@upm.edu.my](mailto:wanzuha@upm.edu.my)

Bendahari Kehormat  
(Sesi 2021 - 2023)  
Dr. Hanny Zurina Hamzah  
Sekolah Perniagaan dan Ekonomi



[hannyzurina@upm.edu.my](mailto:hannyzurina@upm.edu.my)

Setiausaha Kehormat  
(Sesi 2021 - 2023)  
Dr. Sharifah Norkhadijah  
Syed Ismail  
Fakulti Perubatan & Sains  
Kesihatan



[norkhadijah@upm.edu.my](mailto:norkhadijah@upm.edu.my)

Timb. Setiausaha Kehormat  
(Sesi 2021 - 2023)  
Dr. Ferdus @Ferdaus  
Mohamat Yusuff  
Fakulti Perhutanan & Alam  
Sekitar



[ferdius@upm.edu.my](mailto:ferdius@upm.edu.my)

## Barisan Majlis Eksekutif PPAUPM



Prof. Dr. Muhammad  
Shahrin Abdul Karim  
Fakulti Sains & Teknologi Makanan  
shahrin@upm.edu.my



Prof. Dr. Kulanthayan C. Mani  
Fakulti Perubatan & Sains  
Kesihatan  
kulan@upm.edu.my



Ir. Dr. Mohammad Effendy Ya'acob  
Fakulti Kejuruteraan  
m\_effendy@upm.edu.my



Prof. Madya Dr. Muhamad Taufik  
Abdullah  
Fakulti Sains Komputer & Teknologi  
Maklumat  
mta@upm.edu.my



Lt. Kdr. Prof. Gs. Dr. MohdHasmadi  
Ismail PSSTLDM  
Fakulti Perhutanan & Alam Sekitar  
mhasmadi@upm.edu.my



Lt. kol. Othman Jailani  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
obj@upm.edu.my

## Barisan Juruaudit



Juru Audit 1  
Dr. Puteri Edaroyati Megat Wahab  
Fakulti Pertanian

putri@upm.edu.my



Juru Audit 2  
Dr. Wan Nor Zanariah Zainol@ Abdullah  
Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan & Sains  
(Kampus Bintulu)

wnzz@upm.edu.my

## Barisan Wakil Fakulti PPAUPM

### Fakulti Ekologi Manusia (FEM)



**Dr. Mohd Najmi Daud**  
Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian  
Keluarga  
[najmi@upm.edu.my](mailto:najmi@upm.edu.my)



**Dr. Shamsul Azahari Zainal Badari**  
Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian  
Pengguna  
[shazri@upm.edu.my](mailto:shazri@upm.edu.my)



**Dr. Chow Ow Wei**  
Jabatan Muzik  
[chowwei@upm.edu.my](mailto:chowwei@upm.edu.my)

### Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK)



**Dr. Fazilah Husin**  
Jabatan Bahasa Melayu  
[fazilahh@upm.edu.my](mailto:fazilahh@upm.edu.my)



**Dr. Ida Baizura Bahar**  
Jabatan Bahasa Inggeris  
[idabb@upm.edu.my](mailto:idabb@upm.edu.my)



**Prof. Madya Dr. Omrah Hassan @ Hussin**  
Jabatan Bahasa Asing  
[omrah@upm.edu.my](mailto:omrah@upm.edu.my)

## Barisan Wakil Fakulti PPAUPM

### Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM)



**Prof. Madya Dr. Azrul Hazri Jantan**  
Jabatan Multimedia  
[azrulhazri@upm.edu.my](mailto:azrulhazri@upm.edu.my)



**Dr. Siti Khadijah Ali**  
Jabatan Multimedia  
[ctkhadijah@upm.edu.my](mailto:ctkhadijah@upm.edu.my)



**Dr. Mohd Yunus Sharum**  
Jabatan Sains Komputer  
[m\\_yunus@upm.edu.my](mailto:m_yunus@upm.edu.my)

### Fakulti Perubatan Veterinar (FPV)



**Prof. Madya Dr. Farina Mustaffa Kamal**  
Jabatan Patologi & Mikrobiologi Veterinar  
[farina@upm.edu.my](mailto:farina@upm.edu.my)



**Prof. Madya Dr. Nurul Hayah Khairuddin**  
Jabatan Perubatan & Pembedahan  
Haiwan Ladang Dan Eksotik  
[nurulhayah@upm.edu.my](mailto:nurulhayah@upm.edu.my)



**Dr. Rozaihan Mansor**  
Jabatan Perubatan & Pembedahan  
Haiwan Ladang Dan Eksotik  
[rozaihan@upm.edu.my](mailto:rozaihan@upm.edu.my)



**Dr. Mohd Akmal bin Mohd Noor**  
Jabatan Sains Pra-Klinikal Veterinar  
[akmal.noor@upm.edu.my](mailto:akmal.noor@upm.edu.my)

## Barisan Wakil Fakulti PPAUPM

### Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar (FPAS)



**Dr. Zulfa Hanan binti Ash'aari**  
Jabatan Alam Sekitar  
[zulfa@upm.edu.my](mailto:zulfa@upm.edu.my)

**Dr. Normala binti Halimoon**  
Jabatan Alam Sekitar  
[mala\\_upm@upm.edu.my](mailto:mala_upm@upm.edu.my)



**Dr. Azita binti Ahmad Zawawi**  
Jabatan Taman Alam Dan Rekreasi  
[azitazawawi@upm.edu.my](mailto:azitazawawi@upm.edu.my)

**Dr. Zulkhairi Azizi bin Zainal Abidin**  
Jabatan Taman Alam Dan Rekreasi  
[zulkhairi.zainal@upm.edu.my](mailto:zulkhairi.zainal@upm.edu.my)



### Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (FBSB)



**Prof. Madya Dr. Ahmad Muhaimin Roslan**  
Jabatan Teknologi Bioproses  
[ar\\_muhaimin@upm.edu.my](mailto:ar_muhaimin@upm.edu.my)

**Prof. Madya Dr. Noor Baity Saidi**  
Jabatan Biologi Sel dan Molekul  
[norbaity@upm.edu.my](mailto:norbaity@upm.edu.my)



**Prof. Madya Dr. Siti Nurbaya Oslan**  
Jabatan Biokimia  
[snurbayaoslan@upm.edu.my](mailto:snurbayaoslan@upm.edu.my)

**Dr. Mohd Shaufi Mohd Asrore**  
Jabatan Mikrobiologi  
[shaufi@upm.edu.my](mailto:shaufi@upm.edu.my)



## Barisan Wakil Fakulti PPAUPM

### Fakulti Pertanian (FP)



**Prof. Madya Dr. Norida Mazlan**  
Jabatan perlindungan Tumbuhan  
[noridamz@upm.edu.my](mailto:noridamz@upm.edu.my)



**Prof Madya Dr Kelly Wong Kai Seng**  
Jabatan Perniagaantani dan Ekonomi  
Biosumber  
[kellywong@upm.edu.my](mailto:kellywong@upm.edu.my)



**Dr. Mohd Nazri Md Nayan**  
Jabatan Sains Haiwan  
[nazri.nayan@upm.edu.my](mailto:nazri.nayan@upm.edu.my)



**Dr. Muhamad Hazim Nazli** Jabatan  
Sains Tanaman  
[m\\_hazim@upm.edu.my](mailto:m_hazim@upm.edu.my)

### Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP)



**Prof. Madya Dr. Nor Wahiza Abd. Wahat**  
Jabatan Pemajuan Profesional Dan Pendidikan Lanjutan  
[wahiza@upm.edu.my](mailto:wahiza@upm.edu.my)

### Fakulti Sains



**Prof. Madya Dr. Norhazlin Zainuddin**  
Jabatan Kimia  
[norhazlin@upm.edu.my](mailto:norhazlin@upm.edu.my)

### CALC



**Pn. Choong Yin Lai**  
Jabatan Bahasa Ingeris  
[cylai@upm.edu.my](mailto:cylai@upm.edu.my)

---

## Barisan Wakil Fakulti PPAUPM

### Fakulti Kejuruteraan



**Dr. Mohd Zuhair Mohd Nor**  
Jabatan Kejuruteraan Proses dan Makanan  
[zuhair@upm.edu.my](mailto:zuhair@upm.edu.my)

**Ts. Dr. Muhammad Hazwan Hamzah**  
Jabatan Kejuruteraan Biologi dan Pertanian  
[hazwanhamzah@upm.edu.my](mailto:hazwanhamzah@upm.edu.my)



**Dr. Muhammad Azim Azizi**  
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan  
[muhdazim@upm.edu.my](mailto:muhdazim@upm.edu.my)

### Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan



**Prof. Madya Dr. Ho Kok Lian**  
Jabatan Patologi  
[kiho@upm.edu.my](mailto:kiho@upm.edu.my)

**Prof. Madya Dr. Emilia Zainal Abidin**  
Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan  
[za\\_emilia@upm.edu.my](mailto:za_emilia@upm.edu.my)



**Dr. Haniza Hassan**  
Jabatan Anatomi Manusia  
[nizahassan@upm.edu.my](mailto:nizahassan@upm.edu.my)

## Barisan Wakil Fakulti PPAUPM

### Fakulti Sains Dan Teknologi Makanan



**Dr. Rozzamri Ashari**  
Teknologi Makanan  
[rozzamri@upm.edu.my](mailto:rozzamri@upm.edu.my)

**Dr. Ungku Fatimah Ungku Zainal Abidin**  
Pengurusan Dan Khidmat Makanan  
[ungkufatimah@upm.edu.my](mailto:ungkufatimah@upm.edu.my)



### Fakulti Rekabentuk Dan Senibina



**Dr. Siti Sarah Herman**  
Senibina  
[h\\_sitisarah@upm.edu.my](mailto:h_sitisarah@upm.edu.my)

**Dr. Norhuzailin Hussain**  
Jabatan Senibina Landskap  
[zailin@upm.edu.my](mailto:zailin@upm.edu.my)



### Sekolah Perniagaan dan Ekonomi



**Dr. Hanna Ambaras Khan**  
Pengurusan Dan Pemasaran  
[hanna@upm.edu.my](mailto:hanna@upm.edu.my)

**Dr. Saira Kharuddin**  
Perakaunan Dan Kewangan  
[saira@upm.edu.my](mailto:saira@upm.edu.my)



**Prof. Madya Dr. Suryati Ishak**  
Ekonomi dan Ekonomi Perniagaan  
[suryatiis@upm.edu.my](mailto:suryatiis@upm.edu.my)

**Dr. Zariyawati Mohd Ashhari**  
Perakaunan Dan Kewangan  
[zariyawati@upm.edu.my](mailto:zariyawati@upm.edu.my)



## Barisan Wakil Fakulti PPAUPM

### Pusat Asasi Sains Pertanian



**Prof. Madya Dr. Siti Nurulain Binti Md Jamil**  
Unit Kimia  
[ctnurulain@upm.edu.my](mailto:ctnurulain@upm.edu.my)



**Encik Azham Bin Mohamad**  
Akademik Pertanian  
[azham@upm.edu.my](mailto:azham@upm.edu.my)

**Encik Ahmad Nazri Bin Mohamad Som**  
Akademik matematik  
[nazrims@upm.edu.my](mailto:nazrims@upm.edu.my)



**Dr. Emma Ziezie binti Mohd Tarmizi**  
Unit Fizik  
[emma@upm.edu.my](mailto:emma@upm.edu.my)



### UPM Sarawak



**Prof. Madya Dr. Leong Sui Sien**  
Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan  
[leongsuisien@upm.edu.my](mailto:leongsuisien@upm.edu.my)



**Dr. Neilson Teruki**  
Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains  
[neilson@upm.edu.my](mailto:neilson@upm.edu.my)

**En. Mohammad Saufi Mohammad Ramli**  
Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains  
[m\\_saupi@upm.edu.my](mailto:m_saupi@upm.edu.my)



**Dr. Mohammad Azizi bin Haji Jamil**  
Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan  
[azizihj@upm.edu.my](mailto:azizihj@upm.edu.my)



## JAWATANKUASA PPAUPM

<b>Jawatankuasa Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ)</b>	:	<b>Presiden, Profesor Dr. Jalila Abu</b> Fakulti Perubatan Veterinar
		<b>Timb. Presiden, Profesor Dr. Rosnah Shamsudin</b> Fakulti Kejuruteraan
		<b>Setiausaha Kehormat, Dr. Sharifah Norkhadijah Syed Ismail</b> Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
		<b>Bendahari Kehormat, Dr. Hanny Zurina Hamzah</b> Sekolah Perniagaan dan Ekonomi
<b>Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)</b>	:	<b>Presiden, Profesor Dr. Jalila Abu</b> Fakulti Perubatan Veterinar
		<b>Setiausaha Kehormat, Dr. Sharifah Norkhadijah Syed Ismail</b> Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
<b>Jawatankuasa Penyelidikan &amp; Penerbitan</b>	:	<b>Dr. Hanny Zurina Hamzah</b> Sekolah Perniagaan dan Ekonomi
<b>Jawatankuasa Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM)</b>	:	<b>Prof. Dr. Kulanthayan K. C. Mani</b> Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
<b>Jawatankuasa Latihan</b>	:	<b>Prof. Dr. Muhammad Shahrin Abdul Karim</b> Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
<b>Jawatankuasa Pengajaran</b>	:	<b>Dr. Ferdius@Ferdous Mohamat Yusuff</b> Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar
<b>Jawatankuasa Sukan</b>	:	<b>Dr. Puteri Edaroyati Megat Wahab</b> Fakulti Pertanian
		<b>Lt. Kol. Othman Jailani</b> Fakulti Pengajian Pendidikan
<b>Jawatankuasa Kebajikan dan Putra Bakti</b>	:	<b>Ir. Dr. Mohammad Effendy Yaacob</b> Fakulti Kejuruteraan
		<b>Prof. Madya Dr. Muhamad Taufik Abdullah</b> Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
<b>Jawatankuasa Dana wakaf ilmu &amp; Hal Ehwal Pelajar</b>	:	<b>Prof. Dr. Mohd. Hasmadi Ismail</b> Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar
<b>Jawatankuasa Perkhidmatan &amp; Pengurusan</b>	:	<b>Timb. Presiden, Profesor Dr. Rosnah Shamsudin</b> Fakulti Kejuruteraan

**Ahli Akademik yang dihormati,  
Terima kasih atas sokongan anda!**

PPA dengan sukacitanya ingin menjemput Ahli Akademik yang berminat untuk menyumbang cadangan, idea penambahbaikan mahupun artikel aktiviti atau apa sahaja yang berkaitan untuk diterbitkan dalam buletin yang akan datang. Semoga dengan usaha ini, dapat menarik minat lebih ramai Ahli Akademik untuk menjadi Ahli PPA serta turut aktif dalam program dan aktiviti yang berkaitan. Sebarang maklumbalas, aduan atau cadangan boleh diemailkan kepada Setiuasaha Kehormat\_PPAUPM di [ppa@upm.edu.my](mailto:ppa@upm.edu.my). Terima kasih.

**PERSATUAN PEGAWAI AKADEMIK UPM**  
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM  
Serdang, Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia Email: [ppa@upm.edu.my](mailto:ppa@upm.edu.my)



**"IBARAT TELUR SESANGKAK,  
PECAH SEBIJI PECAH SEMUA"**